

Kapal tangki Vier Harmoni hilang ditemukan selamat

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Sebuah kapal tangki yang membawa muatan diesel yang dilaporkan hilang ketika berlabuh di perairan Pelabuhan Kuantan petang semalam, dikesan berada di Batam, Indonesia hari ini.

Ketua Pengarah Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Datuk Seri Ahmad Puzi Ab. Kahar berkata, kapal Vier Harmoni itu ditemui selamat bersama anak kapalnya kira-kira pukul 12.30 tengah hari.



Katanya, gerakan mencari dan menyelamatkan telah dilancarkan selepas pihaknya menerima laporan tentang kehilangan kapal yang membawa muatan 900,000 liter diesel dengan anggaran nilai RM1.57 juta itu.

“Kita dapat bercakap dengan kapten kapal dan semua krunya berada dalam keadaan selamat,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Sementara itu, Pengarah Cawangan Penguatkuasaan dan Eksesais Maritim Ma-

laysia, Datuk Mohd. Taha Ibrahim berkata, siasatan awal mendapati kejadian tersebut berlaku disebabkan masalah dalaman antara penyewa kapal dan anak kapal.

Katanya, kejadian itu hanya disedari oleh seorang ejen di pelabuhan itu kira-kira pukul 5 petang semalam.

“Siasatan awal mendapati kapal dari Batam, Indonesia itu telah berlabuh beberapa hari di Pelabuhan Kuantan dan menunggu proses pemindahan.

“Kejadian tiada kaitan dengan lanun seperti didakwa oleh beberapa pihak dan kini dalam proses siasatan lanjut,” ujarnya.



SEBUAH kapal Vier Harmoni dilaporkan hilang dikesan berada di Batam, Indonesia, semalam.